

21 APR 2002

Pusat-Pembangking

KERAJAAN PUSAT TETAP BANTU TERENGGANU DAN KELANTAN

MENTAKAB, 21 April (Bernama) -- Kerajaan pusat tetap membantu Kelantan dan Terengganu yang diperintah kerajaan PAS kerana ia mahu memastikan pembangunan di kedua-dua negeri itu tidak ketinggalan dalam arus kemajuan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail berkata sejumlah besar diperuntukkan kepada negeri-negeri berkenaan untuk pelbagai tujuan projek-projek pembangunan.

"Kelantan misalnya diberikan peruntukan RM1 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan manakala bagi Terengganu, semua peruntukan itu diberikan kepada agensi-agensi kerajaan pusat untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan di negeri itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Mentakab di sini, hari ini.

Tahun lepas, katanya kerajaan pusat meluluskan peruntukan RM133 juta kepada Kelantan dan ini membuktikan kerajaan pusat mahukan negeri-negeri itu terus membangun selaras dengan pembangunan di negeri-negeri Pantai Barat.

Hashim berkata menjadi dasar kerajaan Barisan Nasional, yang mahu melihat penduduk di kedua-dua negeri itu turut sama mengecapi pembangunan negara.

Terdahulu, dalam ucapannya Hashim kesal apabila terdapat segelintir mereka yang bergelar ulama dan digelar "tok guru" sanggup mengeluarkan kata-kata kasar dan tidak senonoh ketika berceramah.

"Sebagai ulama, tok guru, mereka hendaklah bercakap dengan menggunakan kata yang baik bagi menggambarkan kecantikan dan keindahan Islam itu sendiri," katanya.

Hashim berkata anggota Umno perlu bangga kerana parti itu berjaya melahirkan pemimpin Islam seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang lantang bersuara di forum-forum antarabangsa bagi membela nasib umat Islam yang ditindas.

-- BERNAMA

ZY MS NAK